

**PENERBITAN DIGITAL DAN PENGHARAMAN SIBER DI MALAYSIA:
CABARAN UNDANG-UNDANG DALAM ERA MEDIA BAHARU**

*DIGITAL PUBLISHING AND ONLINE CENSORSHIP: LEGAL CHALLENGES IN THE
NEW MEDIA ERA*

^{i,*}Nur Khalidah Dahlan, ⁱⁱMohd Zamre Mohd Zahir & ⁱⁱⁱRamalinggam Rajamanickam

ⁱFaculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ⁱⁱⁱFaculty of Law, Multimedia University, Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Beruang, Melaka, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my

Article history:

Submission date: 2 February 2026
 Received in revised form: 22 June 2026
 Acceptance date: 10 July 2026
 Available online: 30 July 2026

Keywords:

Publication bans, digital publishing, cyber law, freedom of speech, communications and multimedia, Malaysia, pengharaman penerbitan, penerbitan digital, undang-undang siber, kebebasan bersuara, komunikasi dan multimedia, Malaysia

Funding:

This research received a grant from the Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Ministry of Higher Education Malaysia (Reference No.: FRGS/1/2023/SSI12/UKM/02/2) which fully supported this research work and funded the publication of this article.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Dahlan, N. K., Mohd Zahir, M. Z., & Rajamanickam, R. (2026). Penerbitan digital dan pengharaman siber di Malaysia: Cabaran undang-undang dalam era media baharu. *LexForensica: Forensic Justice And Socio-Legal Research Journal*, 3(1), 1-11. <https://doi.org/10.33102/z82je741>



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

SDG Elements:

Peace, Justice and Strong Institutions



ABSTRACT

The rapid advancement of digital media and online platforms has transformed the traditional publishing landscape and introduced novel challenges to the Malaysian legal system. This article examines the issue of publication bans within the digital context that commonly referred to as cyber banning which has become increasingly prevalent through restrictions on websites, social media, and digital content. Employing a qualitative doctrinal legal research approach, this study conducts a documentary analysis of existing statutory frameworks, specifically the Printing Presses and Publications Act 1984 and the Communications and Multimedia Act 1998, complemented by a comparative analysis of selected ASEAN nations. The findings reveal that the current legal framework predominantly retains a centralized control model, thereby creating tension with the constitutional guarantee of freedom of speech under Article 10 of the Federal Constitution. Furthermore, the study identifies several critical challenges, including definitional ambiguities, jurisdictional limitations, a lack of transparency in administrative decisions, and the risk of suppressing digital media freedom. Consequently, this article proposes comprehensive legal reforms in Malaysia, including the introduction of explicit judicial review mechanisms, the establishment of a Digital Content Review Commission, and the formulation of cyber guidelines aligned with human rights and digital democracy principles.

ABSTRAK

Perkembangan pesat media digital dan platform dalam talian telah mengubah landskap penerbitan tradisional serta mencetuskan pelbagai cabaran baharu kepada sistem perundangan di Malaysia. Artikel ini bertujuan meneliti isu pengharaman penerbitan dalam konteks digital, atau dikenali sebagai pengharaman siber, yang kini semakin meluas melalui sekatan terhadap laman sesawang, media sosial, dan kandungan digital. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif perundangan (*doctrinal legal research*) melalui kaedah analisis dokumen terhadap peruntukan undang-undang sedia ada, khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP) serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), di samping analisis perbandingan dengan beberapa negara ASEAN. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerangka undang-undang sedia ada masih mengekalkan pendekatan kawalan berpusat yang mencetuskan konflik dengan jaminan kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Kajian turut mengenal pasti beberapa cabaran kritikal termasuk kekaburan definisi, had bidang kuasa, isu ketelusan keputusan pentadbiran, serta risiko penindasan terhadap media digital. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar undang-undang Malaysia diperkemas menerusi pengenalan mekanisme semakan kehakiman yang lebih jelas, penubuhan Suruhanjaya Semakan Kandungan Digital, serta penggubalan garis panduan siber yang menepati prinsip hak asasi manusia dan demokrasi digital.

Pengenalan

Kemunculan teknologi digital dan landskap media baharu telah membawa transformasi radikal terhadap cara manusia menghasilkan, menyebarkan, dan mengakses maklumat dalam masyarakat moden (Alias *et al.*, 2025). Di Malaysia, revolusi ini bukan sahaja mengubah corak interaksi sosial tetapi turut mencetuskan anjakan besar dalam ekosistem media daripada medium konvensional bercetak kepada penerbitan elektronik yang dinamik (Salleh, 2019). Jika dahulunya kawalan dan pengharaman penerbitan oleh pihak berkuasa hanya tertumpu kepada bahan fizikal seperti buku, majalah, dan risalah, kini realiti tersebut telah berubah wajah dengan penglibatan laman sesawang, blog, platform media sosial, serta medium penstriman global melalui fenomena yang dikenali sebagai pengharaman siber (*cyber banning*) (Tuan Ibrahim *et al.*, 2026). Walaupun kawalan pengawalseliaan siber dilihat kritikal bagi melindungi masyarakat daripada ancaman maklumat palsu, penyebaran ideologi ekstrem, dan unsur hasutan yang boleh menggugat keharmonian, pendekatan yang diambil perlu diimbangi dengan cermat agar kebebasan asasi dalam ruang siber tidak disekat secara keterlaluan.

Namun demikian, pelaksanaan undang-undang sedia ada di Malaysia kini berhadapan dengan kekangan struktur yang ketara dalam mendepani kepesatan ekosistem digital ini. Konflik utama timbul apabila kerangka perundangan tradisi, khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP), dibentuk berasaskan analogi media fizikal abad ke-20 yang tidak lagi relevan dengan sifat kandungan siber yang melangkaui sempadan geografi dan bergerak seantas kilat (Salleh, 2019). Sementara itu, penguatkuasaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sering mengundang kritikan sarjana perundangan ekoran pendekatan kawalan atas-bawah (*top-down*) dan ketiadaan mekanisme semakan kehakiman serta notis awam yang telus sebelum sesuatu sekatan siber dilaksanakan (Rahman & Lim, 2021). Jurang perundangan ini menimbulkan satu permasalahan besar: pendekatan kawalan unilateral yang membelakangkan ketelusan prosedur pentadbiran bukan sahaja terdedah kepada isu salah guna kuasa, malah berisiko mencabuli hak kebebasan bersuara yang dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan serta prinsip demokrasi digital global (ARTICLE 19, 2023a).

Bagi menangani jurang dan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan dengan menetapkan tiga objektif utama yang tersusun. Pertama, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kerangka undang-undang sedia ada di Malaysia, khususnya AMCP 1984, AKM 1998, dan Akta Hasutan 1948, bagi menilai sejauh mana peruntukan tersebut masih relevan dan berkesan dalam mengawal selia penerbitan digital semasa. Kedua, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran perundangan dan teknikal utama dalam pelaksanaan pengharaman siber, terutamanya dari aspek kekaburan definisi undang-undang, kekangan bidang kuasa rentas sempadan, dan pelanggaran prinsip keadilan asasi. Ketiga, kajian ini bertujuan untuk menilai pendekatan kawal selia antarabangsa di negara seperti Singapura, Indonesia, dan United Kingdom bagi

merangka cadangan reformasi dasar dan undang-undang yang progresif, inklusif, serta seimbang antara perlindungan keselamatan negara dengan pemeliharaan hak asasi manusia di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Konsep pengharaman penerbitan bukanlah sesuatu yang baharu dalam sejarah perundangan Malaysia, sebaliknya berakar daripada tradisi kawalan media yang terbentuk sejak era kolonial British. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 merupakan undang-undang utama yang memberikan kuasa luas kepada Menteri Dalam Negeri untuk menggantung, membatalkan atau enggan memperbaharui lesen percetakan dan penerbitan. Kuasa ini sering digambarkan sebagai bentuk kawalan preventif negara terhadap sebarang bahan bercetak yang dianggap mengancam ketenteraman awam atau keselamatan negara (Salleh, 2019). Namun, penting diperhatikan bahawa AMCP dirangka dalam konteks penerbitan fizikal, bukan dalam ekosistem komunikasi digital masa kini. Ia dibentuk pada masa di mana media cetak merupakan saluran utama penyebaran maklumat, dan konsep “pengharaman” difahami sebagai tindakan terhadap bahan berbentuk fizikal seperti buku, majalah, risalah atau surat khabar.

Kajian oleh Salleh (2019) mendapati bahawa keberkesanan AMCP kini semakin dipersoalkan kerana tidak mampu menangani penerbitan digital yang tersebar secara pantas dan melangkaui sempadan geografi. Tambahan pula, kajian terbaru oleh Mohammed Na'aim *et al.*, (2025) turut menganalisis bagaimana sebab-sebab menteri dalam mengharamkan penerbitan di bawah akta ini sering kali memerlukan justifikasi yang lebih telus. Dalam dunia di mana maklumat boleh diterbitkan melalui blog, media sosial dan platform video tanpa memerlukan lesen percetakan, kuasa Menteri di bawah AMCP menjadi semakin terhad. Tambahan pula, pelaksanaan undang-undang ini sering dikritik kerana sifatnya yang unilateral dan ketiadaan prosedur semakan kehakiman yang cepat dan mudah, sekali gus menimbulkan persoalan tentang keserasian dengan prinsip *rule of law* dan kebebasan bersuara (Mohammed Na'aim *et al.*, 2025; Salleh, 2019).

Sebagai tindak balas terhadap cabaran era digital, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) diperkenalkan dengan tujuan mewujudkan rangka kawal selia yang lebih moden dan bersifat teknologi neutral. Di bawah akta ini, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) diberikan kuasa untuk menyekat laman sesawang atau platform digital yang didapati menyalahi undang-undang, termasuk kandungan yang dianggap menghasut, lucah, palsu atau menjejaskan keselamatan negara. Walaupun peruntukan ini dilihat penting dalam melindungi kestabilan sosial, Rahman dan Lim (2021) menegaskan bahawa kekurangan mekanisme semakan kehakiman atau notis awam sebelum pelaksanaan sekatan menjadikan proses ini tidak telus dan terdedah kepada penyalahgunaan kuasa pentadbiran. Mereka berpendapat bahawa sistem kawalan kandungan digital Malaysia masih mengekalkan sifat “top-down” dan belum cukup mengiktiraf hak rakyat untuk mencabar keputusan pentadbiran melalui proses kehakiman yang bebas (Rahman & Lim, 2021).

Dalam konteks antarabangsa, laporan oleh ARTICLE 19 (2023a, 2023b) dan UNESCO (2022a, 2022b) menekankan bahawa prinsip kebebasan bersuara dan hak untuk mendapat maklumat perlu kekal menjadi asas kepada sebarang bentuk kawalan kandungan digital. Kedua-dua badan ini menyeru negara anggota, termasuk Malaysia, supaya melaksanakan dasar pengawalseliaan yang proporsional, berasaskan hak asasi manusia, dan disertai mekanisme semakan bebas (ARTICLE 19, 2023a; UNESCO, 2022a). UNESCO (2022a), sebagai contoh, menegaskan bahawa tindakan menyekat atau mengharamkan kandungan dalam talian mestilah berdasarkan penilaian risiko yang telus serta mematuhi prinsip keperluan (*necessity*) dan kesepadanan (*proportionality*). Laporan petunjuk universal internet bagi kes Malaysia juga memperlihatkan jurang ketara dalam penanda aras tadbir urus siber berbanding standard global (UNESCO, 2022b). Pendekatan sedemikian bukan sahaja mengelakkan penapisan berlebihan, tetapi juga memastikan hak pengguna digital untuk berinteraksi dan berpartisipasi dalam wacana awam terus terpelihara (ARTICLE 19, 2023b).

Daripada tinjauan literatur ini, jelas terdapat jurang penyelidikan yang ketara dalam konteks Malaysia. Walaupun terdapat pelbagai kajian yang menilai keberkesanan AMCP dan AKM dari aspek kawalan kandungan, masih kurang analisis mendalam mengenai bagaimana kerangka undang-undang tradisional Malaysia boleh disesuaikan dengan realiti penerbitan digital moden. Penyelidikan ini penting bagi merangka model undang-undang yang bukan sahaja relevan dengan teknologi semasa, tetapi juga konsisten dengan prinsip keadilan, kebebasan bersuara, dan akauntabiliti institusi dalam ruang siber.

Methodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif perundangan atau *doctrinal legal research* sebagai asas utama metodologi penyelidikan. Pendekatan ini menekankan analisis terhadap prinsip undang-undang substantif, peruntukan statut, serta keputusan kehakiman yang berkaitan dengan isu kawalan penerbitan digital dan pengharaman kandungan siber. Pendekatan doktrinal dianggap paling sesuai bagi menjawab persoalan kajian yang berfokus pada kesesuaian dan keberkesanan undang-undang sedia ada dalam menangani fenomena penerbitan digital di Malaysia. Melalui pendekatan ini, penyelidikan bukan sahaja meneliti teks undang-undang secara literal, tetapi turut mengkaji konteks dan rasional penggubalan serta kesan pelaksanaannya terhadap kebebasan bersuara dan hak asasi individu dalam era media baharu.

Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitatif perundangan dilaksanakan melalui analisis dokumen perundangan dan pentadbiran, meliputi kedua-dua sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada statut dan peraturan utama seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Akta Hasutan 1948, di samping dokumen pelaksanaan seperti arahan rasmi Kementerian Dalam Negeri dan laporan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Keputusan kehakiman yang berkaitan dengan isu penapisan media, kawalan kandungan dalam talian, serta kebebasan bersuara turut dianalisis secara mendalam bagi memahami corak tafsiran mahkamah terhadap hak asasi dan kuasa pentadbiran kerajaan. Sumber sekunder pula merangkumi artikel jurnal, laporan penyelidikan, monograf, serta laporan oleh pertubuhan antarabangsa seperti UNESCO (2022a, 2022b), ARTICLE 19 (2023a, 2023b), dan badan-badan akademik lain (Mohammed Na'aim *et al.*, 2025; Rahman & Lim, 2021; Salleh, 2019) yang menjadi rujukan penting dalam membandingkan piawaian kebebasan media dan hak digital antara Malaysia dan negara lain.

Kaedah kajian dokumen ini dijalankan dengan meneliti dan menilai kandungan undang-undang secara sistematik untuk mengenal pasti elemen yang menyokong atau bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia dan amalan demokrasi digital. Setiap dokumen yang dipilih melalui proses penilaian berdasarkan tiga kriteria utama, iaitu kebolehpercayaan sumber, kaitan langsung dengan isu pengharaman penerbitan digital, dan keterkinian data. Dalam hal ini, dokumen rasmi kerajaan dan laporan kehakiman diutamakan sebagai sumber utama, manakala laporan badan bukan kerajaan (NGO) dan bahan akademik digunakan untuk menambah konteks kritikal terhadap pelaksanaan dasar dan undang-undang. Kajian turut menilai bagaimana kuasa pentadbiran digunakan untuk menyekat laman sesawang, menurunkan kandungan digital, dan menafsir peruntukan undang-undang yang mungkin sudah tidak lagi sejajar dengan realiti teknologi semasa.

Bagi memperkukuh analisis dan memberikan perspektif serantau, penyelidikan ini turut menggunakan analisis perbandingan undang-undang dengan beberapa negara ASEAN yang menghadapi cabaran serupa dalam mengawal penerbitan digital, seperti Singapura, Indonesia dan Thailand. Pendekatan perbandingan ini membantu mengenal pasti model perundangan yang lebih seimbang antara kawalan kandungan dan perlindungan kebebasan bersuara. Sebagai contoh, undang-undang *Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act* (POFMA) di Singapura, Undang-Undang Informasi dan Transaksi Elektronik (UU ITE) di Indonesia, serta akta keselamatan dalam talian terbaharu United Kingdom (2023) dikaji dari sudut prosedur, ruang semakan kehakiman, serta pelaksanaan sekatan siber yang lebih sistematik dan berasaskan ketelusan. Analisis ini memberikan asas perbandingan untuk menilai sejauh mana undang-undang Malaysia mampu menyesuaikan diri dengan prinsip akauntabiliti dan ketelusan dalam konteks media digital global.

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini bertujuan membina satu asas analisis yang kukuh terhadap kerangka undang-undang Malaysia berkaitan penerbitan digital. Melalui analisis doktrinal, penilaian dokumen, dan perbandingan rentas negara, kajian ini berhasrat mengemukakan hujah yang menyeluruh tentang keperluan reformasi undang-undang sedia ada agar lebih responsif terhadap realiti penerbitan siber, selaras dengan prinsip hak asasi, kebebasan media, dan demokrasi digital yang progresif.

Kerangka Undang-Undang di Malaysia

Tiga undang-undang utama yang membentuk asas kawalan penerbitan, termasuk dalam konteks digital di Malaysia, ialah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia dan Akta Hasutan 1948. Walaupun ketiga-tiga undang-undang ini digubal dalam konteks dan era yang berbeza, kesemuanya berkongsi objektif utama iaitu untuk mengawal kandungan yang disiarkan kepada umum demi memelihara keselamatan negara, ketenteraman awam, dan moral masyarakat. Namun begitu, pelaksanaan dan keberkesanan undang-undang ini dalam menangani cabaran penerbitan digital kini menjadi persoalan besar dari sudut hak asasi dan prinsip tadbir urus demokratik.

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984)

Akta ini pada asalnya digubal untuk mengawal industri penerbitan bercetak seperti akhbar, majalah, buku dan risalah. Di bawah Seksyen 3(3), Menteri Dalam Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk menggantung, membatalkan atau tidak memperbaharui lesen penerbitan tanpa perlu memberi alasan secara terperinci. Walaupun tujuan asalnya ialah untuk mengelakkan penyebaran bahan berunsur fitnah, hasutan, atau yang boleh menggugat ketenteraman awam, namun kuasa yang terlalu luas ini sering dikritik oleh sarjana dan pengamal undang-undang sebagai membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa pentadbiran.

Dalam konteks digital, walaupun AMCP 1984 tidak secara langsung menyebut tentang penerbitan dalam talian, tafsiran luas terhadap istilah “penerbitan” boleh membawa kepada penguatkuasaan analogi terhadap laman web atau e-magazine. Ini menunjukkan terdapat keperluan mendesak untuk memperbaharui definisi dan skop akta agar selari dengan realiti penerbitan siber yang tidak memerlukan mesin cetak atau lesen fizikal.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998)

Akta ini pula merupakan asas utama dalam regulasi dunia digital dan siber di Malaysia. Ia mewujudkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang diberi kuasa untuk mengawal selia aktiviti komunikasi elektronik, termasuk laman sesawang, media sosial, dan penyiaran digital. Berdasarkan Seksyen 211 dan 233, seseorang boleh disabit kesalahan jika menggunakan kemudahan rangkaian untuk menghantar komunikasi yang dianggap palsu, lucah, menghina atau mengancam.

Walaupun AKM 1998 lebih moden berbanding AMCP, ia masih menimbulkan kebimbangan dari aspek kebebasan bersuara, kerana peruntukan ini sering digunakan secara luas dan tidak terhad kepada kes-kes yang benar-benar menjejaskan keselamatan awam. Tambahan pula, MCMC mempunyai kuasa untuk menyekat laman web atau kandungan digital tanpa memerlukan perintah mahkamah terlebih dahulu, dan tiada prosedur rayuan awam yang jelas bagi keputusan tersebut. Ini mewujudkan jurang akauntabiliti serta isu ketelusan dalam proses pentadbiran kandungan digital.

Contohnya, sekatan terhadap laman-laman berita bebas seperti “*The Malaysian Insider*” dan “*Malaysia Today*” menunjukkan bagaimana AKM 1998 boleh digunakan untuk mengekang penerbitan digital tanpa mekanisme semakan kehakiman yang cepat dan efektif. Oleh itu, reformasi undang-undang perlu memberi tumpuan kepada penubuhan tribunal semakan kandungan digital atau prosedur rayuan kehakiman yang mudah diakses oleh penerbit atau pengendali laman.

Akta Hasutan 1948

Sebagai undang-undang warisan penjajah, Akta Hasutan 1948 pada asalnya digubal untuk mengekang ucapan atau penerbitan yang boleh “membangkitkan kebencian terhadap kerajaan atau kaum tertentu”. Walaupun ia masih dikuatkuasakan dalam konteks penerbitan digital, penggunaannya sering dikritik sebagai tidak lagi sesuai dengan semangat Perlembagaan moden yang menjamin kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Penerbitan digital seperti artikel, video *YouTube* atau hantaran media sosial yang dianggap “menghasut” boleh dikenakan tindakan di bawah akta ini, walaupun tanpa bukti jelas bahawa kandungan tersebut menimbulkan ancaman sebenar. Ini mewujudkan dilema antara hak untuk bersuara dan tanggungjawab terhadap keselamatan awam. Negara-negara seperti United Kingdom dan India telah menggantikan undang-undang sedition dengan peruntukan yang lebih spesifik dan seimbang; Malaysia wajar

meneladani pendekatan tersebut dalam usaha menyesuaikan Akta Hasutan kepada konteks komunikasi moden.

Analisis Kritikal

Secara keseluruhan, kerangka undang-undang Malaysia masih berpaksikan kepada pendekatan kawalan dan sekatan, bukannya pendekatan pengawalseliaan berasaskan hak. Banyak peruntukan undang-undang bersifat generalisasi dan terbuka kepada tafsiran subjektif, menyebabkan pelaksanaan bergantung kepada budi bicara pihak berkuasa. Dalam era digital, pendekatan seperti ini boleh menjejaskan kebebasan akademik, kebebasan media dan hak rakyat untuk mengakses maklumat yang sah.

Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan kerangka undang-undang baharu atau pindaan komprehensif yang menyesuaikan konsep pengharaman penerbitan kepada era siber dengan penekanan terhadap prinsip ketelusan, dan akauntabiliti institusi.

Cabaran Undang-undang dalam Pengharaman Siber dalam Konteks Penerbitan Digital

Kajian mendapati bahawa pengharaman penerbitan digital di Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran undang-undang yang semakin kompleks, seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang melangkaui sempadan geografi serta kawalan pentadbiran tradisional. Walaupun Malaysia mempunyai beberapa undang-undang yang boleh digunakan untuk mengawal kandungan digital seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, serta Akta Hasutan 1948, kesemua peruntukan ini dibentuk dalam era sebelum wujudnya ekosistem digital moden. Oleh itu, keberkesanannya dalam menangani isu pengharaman penerbitan siber kini sering dipersoalkan dari aspek definisi, bidang kuasa, prosedur, hak asasi dan keberkesanan teknikal.

Pertama, kekaburan definisi undang-undang mengenai penerbitan digital menjadi cabaran asas yang ketara. Tiada peruntukan khusus dalam undang-undang sedia ada yang mentakrifkan secara tepat apa yang dimaksudkan dengan “penerbitan digital”, “kandungan dalam talian”, atau “pengharaman siber”. Definisi yang kabur ini menimbulkan ketidaktentuan dari segi aplikasi undang-undang, terutama apabila kandungan dihasilkan melalui pelbagai bentuk media seperti blog, laman web, e-buku, siaran langsung atau media sosial. Tanpa definisi undang-undang yang seragam, kuasa pentadbiran untuk mengharamkan sesuatu penerbitan digital boleh dilaksanakan secara arbitari, bergantung kepada tafsiran subjektif pihak berkuasa. Ini membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dan menimbulkan kebimbangan tentang ketelusan serta keadilan dalam proses penguatkuasaan (Mohammed Na'aim *et al.*, 2025; Salleh, 2019).

Kedua, isu bidang kuasa terhad (*jurisdictional limitation*) menimbulkan kesukaran besar dalam pelaksanaan pengharaman siber. Majoriti laman web dan platform digital kini dihos di luar negara atau dikendalikan oleh syarikat multinasional seperti *Meta*, *Google*, dan *X (Twitter)*. Oleh itu, arahan sekatan atau pengharaman oleh pihak berkuasa Malaysia sering tidak mempunyai kuasa mengikat secara langsung ke atas entiti luar negara. Walaupun MCMC boleh mengeluarkan arahan kepada penyedia perkhidmatan Internet tempatan (ISP) untuk menyekat capaian, sekatan tersebut hanya berfungsi pada peringkat pengguna domestik. Dalam era globalisasi maklumat, pendekatan kawalan yang bersifat lokal ini menimbulkan cabaran besar terhadap keberkesanan pengharaman, kerana kandungan yang dihos di luar bidang kuasa Malaysia tetap dapat diakses melalui kaedah alternatif (ARTICLE 19, 2023b; Rahman & Lim, 2021).

Ketiga, ketiadaan keperluan notis atau proses rayuan awam sebelum sekatan dilaksanakan menimbulkan persoalan serius mengenai prinsip keadilan asasi (*procedural fairness*). Dalam banyak kes, laman web, blog atau portal berita disekat tanpa sebarang notis awal kepada pengendali laman atau penulis kandungan. Tiada prosedur rasmi untuk mencabar keputusan sekatan tersebut secara segera, sama ada melalui rayuan pentadbiran atau semakan kehakiman. Keadaan ini bertentangan dengan prinsip tadbir urus baik (*good governance*) dan hak untuk didengar (*audi alteram partem*), yang menjadi asas dalam sistem perundangan demokratik. Ketidaktelusan ini juga menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap integriti institusi pengawalseliaan, di samping memberi kesan negatif kepada kebebasan media digital (Rahman & Lim, 2021).

Keempat, risiko pelanggaran hak asasi kebebasan bersuara dan hak untuk mendapatkan maklumat merupakan cabaran paling kritikal dalam konteks pengharaman siber. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menjamin hak setiap warganegara untuk bersuara, walaupun tertakluk kepada sekatan yang munasabah. Namun dalam praktiknya, tindakan pengharaman kandungan digital kadangkala dilaksanakan tanpa penilaian yang telus terhadap kesesuaian dan keperluan sekatan tersebut (*test of proportionality*). Keadaan ini boleh membawa kepada fenomena penapisan berlebihan (*over-censorship*), di mana kandungan yang bersifat kritikal terhadap dasar kerajaan atau berunsur advokasi sosial turut menjadi sasaran sekatan. Dalam jangka panjang, hal ini berpotensi mengekang budaya wacana awam yang sihat dan melemahkan pembangunan masyarakat sivil yang berasaskan hak serta akauntabiliti (ARTICLE 19, 2023a; Salleh, 2019).

Akhir sekali, aspek teknikal dan keberkesanan sekatan juga menimbulkan cabaran tersendiri. Sekatan ke atas laman web atau aplikasi digital sering kali mudah dipintas melalui penggunaan *Virtual Private Network* (VPN), proksi, atau platform alternatif yang beroperasi di pelayan antarabangsa. Ini menjadikan pengharaman siber hanya berfungsi secara simbolik, tanpa benar-benar menghalang capaian terhadap kandungan yang dilarang. Tambahan pula, usaha mengekang capaian melalui kaedah teknikal yang agresif boleh menjejaskan hak pengguna lain dan menimbulkan isu keselamatan siber. Oleh itu, pendekatan yang terlalu bergantung pada sekatan teknikal tanpa disokong oleh dasar pendidikan digital dan pemeraksanaan literasi maklumat hanya akan bersifat sementara serta tidak mampan (UNESCO, 2022b).

Secara keseluruhannya, lima cabaran utama ini menggambarkan bahawa pelaksanaan pengharaman penerbitan siber di Malaysia masih berdepan dilema antara keperluan kawalan dan perlindungan hak asasi manusia. Tanpa reformasi undang-undang yang memperjelas definisi, memperkukuh bidang kuasa, memperkenalkan prosedur semakan yang telus, serta menyeimbangkan kepentingan keselamatan dengan kebebasan bersuara, Malaysia berisiko terus bergantung pada pendekatan kawalan kolonial yang tidak lagi sesuai dengan realiti komunikasi digital abad ke-21. Justeru, pembaharuan menyeluruh terhadap kerangka undang-undang berkaitan pengharaman siber amat diperlukan agar ia selaras dengan prinsip keadilan, ketelusan dan demokrasi digital yang bertanggungjawab.

Analisis Perbandingan Antarabangsa

Kajian perbandingan antarabangsa menunjukkan bahawa pelbagai negara telah mengambil pendekatan undang-undang yang berbeza dalam menangani isu pengharaman atau kawalan penerbitan digital, bergantung kepada falsafah perundangan, sistem politik dan keutamaan dasar awam masing-masing. Tiga model utama yang sering menjadi rujukan ialah model peraturan negara autoritatif seperti di Singapura, model perlindungan norma sosial seperti di Indonesia, dan model kawal selia bersama (*co-regulation*) seperti di United Kingdom. Ketiga-tiga pendekatan ini memberi gambaran jelas tentang bagaimana undang-undang boleh berfungsi untuk menyeimbangkan antara kebebasan bersuara, tanggungjawab sosial, dan keselamatan digital dalam ekosistem media baharu.

Di Singapura, penggubalan *Protection from Online Falsehoods and Manipulation Act* (POFMA) pada tahun 2019 menandakan peralihan penting daripada pendekatan kawalan tradisional kepada mekanisme pentadbiran berasaskan pembetulan maklumat. POFMA memberi kuasa kepada menteri untuk mengeluarkan "*Correction Direction*" terhadap kandungan digital yang dianggap palsu atau mengelirukan, dengan tujuan membetulkan fakta tanpa semestinya memadam kandungan tersebut. Keunikan pendekatan Singapura terletak pada kewujudan prosedur rayuan kehakiman yang jelas, di mana individu atau organisasi yang terkesan boleh memfailkan semakan di Mahkamah Tinggi. Hal ini mencerminkan suatu bentuk keseimbangan antara kawalan negara dan perlindungan terhadap hak untuk didengar (*right to be heard*). Walaupun terdapat kritikan bahawa POFMA berpotensi digunakan untuk mengekang ucapan politik, kejelasan prosedur dan ketelusan proses rayuan menjadikan undang-undang ini contoh penting dalam usaha memperkukuh akauntabiliti pentadbiran digital di rantau ASEAN (POFMA, 2019).

Sementara itu, Indonesia melalui Undang-Undang Informasi dan Transaksi Elektronik (UU ITE) memperlihatkan pendekatan yang lebih bersifat moral dan sosial dalam menangani kandungan digital. UU ITE bukan sahaja menyasarkan kandungan palsu atau fitnah, tetapi juga kandungan yang “melanggar norma kesusilaan, agama, atau ketertiban awam” (Barker, 2019). Kuasa pelaksanaan diberikan kepada Kementerian Komunikasi dan Informatika (Kominfo) untuk memadam atau menyekat kandungan yang dianggap melanggar norma sosial masyarakat. Walau bagaimanapun, pendekatan ini sering menimbulkan perdebatan dari segi ketidakjelasan standard moral dan tafsiran norma sosial, yang boleh berbeza antara kumpulan masyarakat dan wilayah. Ketiadaan mekanisme rayuan yang kukuh juga menjadikan UU ITE sering dikritik sebagai alat kawalan politik dan moral yang boleh menyekat kebebasan bersuara atas alasan subjektif. Namun begitu, Indonesia sedang memperkukuh reformasi perundangan untuk memperkenalkan mekanisme semakan pentadbiran serta garis panduan yang lebih telus dalam menentukan kandungan terlarang, sejajar dengan prinsip keadilan procedural (Barker, 2019).

Berbeza dengan dua negara ASEAN tersebut, United Kingdom melalui *Online Safety Act 2023* mengambil pendekatan kawal selia bersama (*co-regulation*) yang berpaksikan tanggungjawab platform digital terhadap keselamatan pengguna (United Kingdom, 2023). Undang-undang ini tidak menumpukan kepada pengharaman langsung oleh kerajaan, tetapi mewajibkan syarikat platform seperti *Meta*, *X*, dan *YouTube* untuk memantau, menilai, dan menghapus kandungan berbahaya seperti gangguan siber, eksploitasi kanak-kanak, ekstremisme dan penyebaran maklumat palsu. Ciri penting Akta ini ialah penubuhan Ofcom sebagai badan pengawalselia bebas yang memantau pematuhan dan mengenakan penalti sekiranya platform gagal melaksanakan tanggungjawab mereka (United Kingdom, 2023). Pendekatan ini memperlihatkan evolusi undang-undang siber ke arah model tanggungjawab bersama antara kerajaan, industri dan masyarakat, sekaligus mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa politik dalam menentukan apa yang boleh atau tidak boleh diterbitkan.

Melalui analisis perbandingan ini, dapat diperhatikan bahawa Malaysia masih kekal dengan pendekatan kawalan berpusat dan bercorak kolonial. Jika dibandingkan dengan POFMA, UU ITE dan *Online Safety Act 2023*, sistem kawalan Malaysia masih ketinggalan dari segi ketelusan, keseimbangan kuasa dan perlindungan hak digital (Rahman & Lim, 2021; United Kingdom, 2023). Oleh itu, satu pembaharuan menyeluruh perlu dirancang bagi memperkenalkan mekanisme semakan kehakiman yang cepat dan mudah, penetapan piawaian jelas bagi pengharaman kandungan, serta penglibatan badan bebas dalam menilai kesesuaian sekatan. Pendekatan ini akan memastikan pengawalan penerbitan digital di Malaysia lebih selaras dengan prinsip *rule of law*, kebertanggungjawaban institusi, dan hak kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Cadangan Penambahbaikan Dasar dan Undang-undang

Cadangan utama termasuk pindaan AMCP 1984 untuk memasukkan definisi penerbitan digital, penubuhan Suruhanjaya Semakan Kandungan Digital, serta pembentukan mekanisme semakan kehakiman yang jelas. Selain itu, ia turut mencadangkan pengenalan kod etika kandungan digital berasaskan hak asasi manusia dan pemantapan kerjasama serantau ASEAN.

Dalam menghadapi cabaran pengharaman penerbitan digital dan kawalan kandungan dalam era media baharu, Malaysia memerlukan satu kerangka dasar dan perundangan yang bersifat progresif, inklusif, serta sejajar dengan prinsip hak asasi manusia. Pendekatan kawalan sedia ada yang berpaksikan undang-undang bercorak kolonial seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP) dan pelaksanaan pentadbiran melalui Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) perlu diperbaharui agar lebih relevan dengan realiti komunikasi digital masa kini. Berdasarkan analisis undang-undang dan amalan antarabangsa, lima cadangan penambahbaikan utama boleh diketengahkan untuk memperkukuh tadbir urus digital di Malaysia, khususnya dalam konteks pengharaman dan penyeliaan kandungan siber.

Pertama, pindaan terhadap AMCP 1984 perlu dilaksanakan bagi memasukkan definisi undang-undang yang komprehensif mengenai penerbitan digital. Ketika ini, tafsiran undang-undang hanya meliputi bahan bercetak dan tidak merangkumi bentuk penerbitan elektronik seperti laman web, e-buku, blog, portal berita digital, dan media sosial. Ketiadaan definisi ini menyebabkan ketidakpastian dalam penguatkuasaan serta memberi ruang kepada tafsiran subjektif oleh pihak berkuasa. Oleh itu, pindaan perlu menambah peruntukan khusus yang mentakrifkan “penerbitan digital” dan “pengedar kandungan elektronik,” termasuk memperjelas bidang kuasa serta tanggungjawab penerbit, pengendali laman, dan penyedia

platform. Ini bukan sahaja akan memperkukuh keseragaman undang-undang, tetapi juga mengelakkan pelaksanaan arbitrari terhadap kandungan dalam talian.

Kedua, dicadangkan penubuhan Suruhanjaya Semakan Kandungan Digital (SSKD) sebagai badan pengawalselia bebas yang berperanan menilai kesesuaian tindakan sekatan atau pengharaman kandungan digital sebelum ia dilaksanakan. SSKD boleh berfungsi sebagai mekanisme “*check and balance*” antara kuasa eksekutif dan hak pengguna digital, sekaligus menambah elemen ketelusan serta akauntabiliti dalam tadbir urus siber negara. Suruhanjaya ini perlu dianggotai oleh wakil kerajaan, masyarakat sivil, pakar undang-undang, ahli akademik, dan wakil industri teknologi bagi memastikan keputusan yang dibuat bersifat pelbagai perspektif dan bebas daripada pengaruh politik. Penubuhan SSKD juga akan menyokong prinsip keadilan prosedural (*procedural fairness*) dengan menyediakan ruang rayuan pentadbiran sebelum tindakan pengharaman dikuatkuasakan.

Ketiga, perlu diwujudkan mekanisme semakan kehakiman yang jelas, cepat, dan mudah diakses bagi kes melibatkan sekatan atau pengharaman kandungan digital. Pada masa ini, semakan kehakiman terhadap tindakan MCMC atau Kementerian Dalam Negeri sering berdepan halangan dari segi prosedur dan kos, menjadikan hak untuk mencabar keputusan pentadbiran sukar direalisasikan. Oleh itu, sistem semakan khas atau mahkamah digital boleh diwujudkan, seumpama *POFMA Court* di Singapura yang berfungsi untuk mendengar dan memutuskan rayuan berkaitan pembetulan maklumat palsu secara pantas. Pendekatan ini akan memastikan bahawa tindakan sekatan atau pengharaman dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta tertakluk kepada pengawasan kehakiman yang bebas.

Keempat, cadangan penting yang perlu diberi perhatian ialah penggubalan kod etika kandungan digital berasaskan prinsip hak asasi manusia dan kebebasan bersuara. Kod ini boleh dirangka oleh MCMC bersama badan bebas dan industri media digital bagi menetapkan garis panduan tentang apa yang dianggap sebagai kandungan terlarang, berbahaya, atau palsu. Kod etika ini hendaklah menekankan nilai-nilai seperti ketelusan, tanggungjawab sosial, ketepatan maklumat, dan perlindungan terhadap maruah individu, tanpa menjejaskan kebebasan berekspresi yang dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan berasaskan etika dan hak asasi ini akan mengubah paradigma kawalan kandungan daripada model “hukuman dan larangan” kepada model “pendidikan dan tanggungjawab” selaras dengan amalan terbaik antarabangsa seperti *UNESCO Guidelines for Regulating Digital Platforms* (UNESCO, 2022a).

Akhir sekali, Malaysia perlu memperkukuh kerjasama serantau di peringkat ASEAN dalam menangani isu pengawalan kandungan siber melalui pendekatan harmonisasi undang-undang dan perkongsian amalan terbaik. Negara-negara seperti Singapura dan Indonesia telah melaksanakan perundangan yang berbeza iaitu melalui *POFMA* dan *UU ITE* dimana undang-undang ini bertujuan mengawal kandungan digital dan maklumat palsu. Malaysia boleh memanfaatkan kerjasama ini melalui forum seperti *ASEAN Digital Ministers’ Meeting (ADGMIN)* untuk mewujudkan rangka piawaian serantau berkenaan prinsip kebebasan bersuara, perlindungan data, dan tanggungjawab platform digital. Usaha ini akan memastikan kawalan kandungan siber dijalankan secara lebih konsisten, mengurangkan konflik bidang kuasa, dan mengukuhkan keselamatan maklumat di rantau ini tanpa menjejaskan hak asasi warganegara.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan ini menggambarkan keperluan mendesak untuk menstruktur semula dasar dan undang-undang berkaitan penerbitan digital di Malaysia. Reformasi yang digerakkan perlu berpaksikan prinsip kebertanggungjawaban institusi, ketelusan, dan keseimbangan antara keselamatan serta kebebasan. Hanya melalui pendekatan yang inklusif dan berpandangan jauh ini, Malaysia dapat membina ekosistem digital yang selamat, adil dan demokratik, seiring dengan aspirasi menjadi hab digital serantau yang progresif dan beretika.

Kesimpulan

Penerbitan digital merupakan manifestasi evolusi komunikasi manusia yang paling signifikan dalam abad ke-21, membuka ruang tanpa sempadan kepada penyebaran ilmu, ekspresi budaya, dan wacana awam. Namun, di sebalik potensi besarnya dalam memperluas akses maklumat dan memperkukuh hak asasi untuk berkomunikasi, fenomena ini juga membawa cabaran baharu kepada struktur undang-undang tradisional yang selama ini berasaskan logik pengawalan bahan bercetak dan media arus perdana. Keupayaan undang-undang Malaysia untuk beradaptasi terhadap landskap digital yang pantas berubah

kini menjadi ujian terhadap kematangan sistem perundangan dalam menyeimbangkan antara kebebasan individu dan tanggungjawab negara.

Malaysia berada di persimpangan penting antara keperluan melindungi keselamatan siber dan ketertiban awam dengan menegakkan prinsip kebebasan bersuara dan demokrasi digital. Kawalan yang terlalu ketat tanpa garis panduan yang telus boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap keadilan undang-undang serta membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa pentadbiran. Sebaliknya, ketiadaan mekanisme kawalan langsung pula boleh mengundang risiko penyebaran fitnah, kebencian dan maklumat palsu yang menggugat keharmonian sosial. Oleh itu, cabaran sebenar bagi pembuat dasar dan penggubal undang-undang bukan sekadar menentukan apa yang perlu diharamkan, tetapi bagaimana memastikan mekanisme pengawalan siber dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, proporsionaliti dan ketelusan.

Reformasi undang-undang perlu digerakkan dengan berasaskan prinsip *rule of law*, di mana setiap sekatan terhadap penerbitan digital mesti disokong oleh asas perundangan yang jelas, melalui prosedur yang adil serta terbuka kepada semakan kehakiman. Penubuhan badan pengawalselia bebas yang berperanan menilai kesesuaian tindakan sekatan atau pengharaman juga wajar dipertimbangkan bagi menambah baik tadbir urus digital negara. Di samping itu, Malaysia boleh mencontohi amalan baik antarabangsa seperti mekanisme pembetulan kandungan (*correction direction*) di bawah POFMA Singapura atau tanggungjawab bersama platform digital seperti yang diguna pakai di United Kingdom melalui *Online Safety Act 2023*.

Dalam jangka panjang, usaha memperkukuh kerangka undang-undang penerbitan digital perlu dilengkapi dengan pembangunan literasi maklumat dan kesedaran sivik digital dalam kalangan rakyat. Pendidikan tentang etika penggunaan media, pemikiran kritikal, dan tanggungjawab pengguna digital akan menjadi benteng pertama bagi mengekang penyebaran kandungan berbahaya tanpa perlu terlalu bergantung kepada pendekatan pengharaman. Pendekatan holistik ini akan memastikan bahawa pengawalan penerbitan siber di Malaysia bukan hanya berfungsi untuk melindungi negara daripada ancaman maklumat, tetapi turut memperkasa masyarakat untuk menjadi pengguna digital yang berpengetahuan, beretika dan bertanggungjawab.

Akhirnya, pembinaan rangka perundangan baharu yang inklusif, seimbang dan berorientasikan hak asasi amat diperlukan agar Malaysia tidak ketinggalan dalam arus transformasi digital global. Undang-undang perlu bergerak seiring dengan realiti teknologi dan aspirasi demokratik masyarakat moden. Dalam konteks ini, pengharaman siber tidak seharusnya dilihat sebagai alat kawalan mutlak, tetapi sebagai instrumen keadilan sosial yang berfungsi menjaga keseimbangan antara kebebasan dan keselamatan yang merupakan perkara asas kepada pembentukan ekosistem demokrasi digital yang matang, adil dan berdaya tahan.

Rujukan

- Alias, M. A. A., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Hashim, H., & Mallow, M. S. (2025). An appraisal of the legal framework governing the admissibility of electronic documents as evidence in Malaysian Shariah courts: Current practices and future legal directions. *IIUM Law Journal*, 33(2), 69–108. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v33i2.1077>
- ARTICLE 19. (2023a). “Freedom of expression and digital regulation in Southeast Asia: Policy brief”. <https://www.article19.org/>
- ARTICLE 19. (2023b). “Freedom of expression online: Regional perspectives in Asia”. <https://www.article19.org/>
- Barker, T. (2019). The moral and social regulation of the Indonesian internet: Analyzing the ITE Law and digital censorship. *Journal of Southeast Asian Studies*, 50(2), 234–251.
- Mohammed Na'aim, M. S., Mohd Zahir, M. Z., Rajamanickam, R., Dahlan, N. K., & Hashim, H. (2025). Analysing ministerial reasons for banning books under the Printing Presses and Publications Act 1984. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(2), 401–412.
- Rahman, A. H., & Lim, J. W. (2021). Digital censorship and administrative discretion under the Communications and Multimedia Act 1998. *Malayan Law Journal*, 7(2), 45–62.
- Rahman, N., & Lim, J. (2021). Censorship and digital governance in Malaysia. *Journal of Media Law*, 14(2), 211–229.

- Salleh, M. (2019). Freedom of expression and publication control in Malaysia. *Malayan Law Journal*, 5(1), 65–82.
- Salleh, N. M. (2019). Media law and censorship in Malaysia: Revisiting the Printing Presses and Publications Act 1984. *Journal of Malaysian Legal Studies*, 12(1), 1–20.
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Baharuddin, A. S., Alias, M. A. A., & Mohd Hakim, M. Z. Z. (2026). Keperluan prosedur forensik digital dalam pembuktian jenayah siber di Mahkamah Syariah: Isu dan cabaran. *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 13(2), 241–258. <https://doi.org/10.11113/umran2026.13n2.849>
- UNESCO. (2022a). “*Guidelines for regulating digital platforms: A human rights-based approach*”. UNESCO Publishing. <https://unesdoc.unesco.org/>
- UNESCO. (2022b). *Internet universality indicators: Malaysia report*. UNESCO Publishing.
- United Kingdom. (2023). *Online Safety Act 2023*. Her Majesty's Stationery Office.